

Notis Perlindungan Data Peribadi

1. Notis Data Peribadi ini ("Notis") menerangkan bagaimana **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**, diperbadankan di bawah Penang Development Corporation Enactment, 1971, beralamat di Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No. 1, Pesiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang, serta anak-anak syarikat dan syarikat berhubungan dengannya ("PDC") menggunakan Data Peribadi anda.
2. Dengan melantik PDC untuk menyediakan perkhidmatan atau dengan berhubung dengan PDC sama ada di acara, persidangan, seminar, ceramah atau sebaliknya, atau dengan menggunakan laman web PDC www.pdc.gov.my ("Laman Web"), anda bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh PDC dan semua orang yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan oleh PDC.
3. PDC berhak untuk mengubahsuai, mengemaskini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis yang dikemas-kinikan di Laman Web kami. Dengan terus berkomunikasi dengan PDC atau dengan terus menggunakan perkhidmatan PDC berikutan pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan kepada Notis ini ia hendaklah dianggap sebagai penerimaan anda terhadap pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan tersebut.
4. Jika berlaku sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Pengutipan Data Peribadi

5. "Data Peribadi" bermaksud maklumat mengenai anda yang anda telah diberikan kepada PDC, seperti nama, No Kad Pengenalan, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, rujukan peribadi anda, butir-butir pasangan atau ahli-ahli keluarga anda dan maklumat bank akaun dan sebarang maklumat yang boleh diguna-pakai untuk mengenali anda, pasangan atau ahli-ahli keluarga anda yang telah atau akan dikutip, disimpan, digunakan dan diproses oleh PDC dari semasa ke semasa.
6. Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang anda berikan kepada PDC secara langsung (iaitu semasa anda berkomunikasi dengan PDC dan/atau apabila anda melantik PDC untuk memberi perkhidmatan), PDC juga mungkin mengutip Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang acara, persidangan, seminar atau ceramah yang diatur atau ditaja oleh PDC dan/atau daripada cookies yang digunakan di Laman Web.
7. Pemberian Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, jika anda tidak berikan Data Peribadi anda, PDC tidak mungkin dapat i) berkomunikasi dengan anda; ii) memberi perkhidmatan yang anda perlukan; atau (iii) mengakses bahagian tertentu dalam Laman Web di mana log masuk dikehendaki.
8. Jika anda tidak ingin Data Peribadi anda dikutip melalui cookies di Laman web, anda boleh menyahaktifkan cookies berkenaan.

Tujuan Pemprosesan

9. PDC boleh menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan berkaitan dengan perkhidmatan yang anda minta dan untuk aktiviti-aktiviti perniagaan PDC yang termasuk, tanpa had:
 - (a) Untuk berkomunikasi dengan anda;
 - (b) Untuk menjawab soalan-soalan dan ulasan daripada anda;
 - (c) Untuk tujuan pentadbiran dalaman;

- (d) Untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa kawal selia dan kerajaan bagi mematuhi syarat-syarat di bawah undang-undang dan kerajaan;
- (e) Untuk PDC mematuhi obligasinya di bawah undang-undang;
- (f) dalam keadaan mana terdapat keberhutangan, untuk membekalkan kepada peguam kami, ejensi kutipan hutang, ejensi laporan kredit dan penyenaarai rujukan perniagaan;
- (g) Untuk membekalkan kepada sesiapa yang berkewajipan kerahsiaan dan yang telah bertanggung untuk menyimpan data secara rahsia, dan anda bersetuju dan mengizinkan PDC untuk menggunakan dan memproses Data Peribadi anda menurut cara sebagaimana yang dikenalpastikan dalam Notis ini.

Tujuan lain

- 10. PDC boleh juga menggunakan dan memproses data anda untuk tujuan lain seperti, melalui e-mel atau mel atau apa jua cara lain:
 - (a) Untuk menghantar bahan-bahan kepada anda seperti surat berita, artikel, penulisan serta pengemaskinian yang lain;
 - (b) Untuk mengedar maklumat atau butir-butir acara, seminar, persidangan dan ceramah yang mungkin anda minati;
 - (c) Untuk menghantar sebagai perujuk berpotensi kepada:
 - (i) editor/penyelidik di penerbitan dan jurnal undang-undang bertaraf;
 - (ii) pelanggan-pelanggan berpotensi yang meminta perujuk untuk kerja terdahulu dalam permohonan untuk cadangan, tender, penyerahan;
- 11. Jika anda tidak bersetuju dengan PDC memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang disenaraikan dalam Seksyen 10, sila maklum kepada PDC dengan menggunakan butiran hubungan yang dinyatakan dalam Seksyen 14 di bawah.

Pemindahan Data Peribadi

- 12. Oleh sebab kemudahan simpanan teknologi maklumat dan pelayan mungkin terletak dalam bidang kuasa lain, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, disimpan, digunakan dan diproses dalam bidang kuasa selain daripada Malaysia. Selanjutnya, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan keluar dari Malaysia untuk tujuan sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 10 di mana penerbitan dan jurnal undang-undang bertaraf dan/atau pelanggan-pelanggan berpotensi berada di luar Malaysia. Anda memahami dan bersetuju untuk pemindahan Data Peribadi anda keluar dari Malaysia sebagaimana yang diperihalkan di sini.

Pendedahan kepada Pihak Ketiga

- 13. PDC boleh melantik syarikat-syarikat, penyedia-penyedia perkhidmatan atau individu-individu lain untuk melaksanakan fungsi bagi pihak PDC, dan sebagai akibat boleh menyediakan akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan di bawah:
 - (a) Penyedia-penyedia perkhidmatan teknologi maklumat (IT);
 - (b) Penyedia-penyedia perkhidmatan kemasukan data;
 - (c) Penyedia-penyedia kemudahan simpanan;
 - (d) Bank dan institusi kewangan;
 - (e) Penyedia-penyedia insurans;
 - (f) Sebarang penasihat profesional dan juruaudit luar;
 - (g) Pihak berkuasa kawal selia dan kerajaan bagi mematuhi syarat-syarat di bawah undang-undang dan kerajaan;
 - (h) Agensi kutipan hutang;
 - (i) Agensi laporan kredit.

Akses & Permohonan Pembedulan dan Pertanyaan

14. Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang diguna pakai, anda boleh pada bila-bila masa selepas ini memohon akses kepada, atau untuk pembaikan dan pembedulan Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, atau memohon maklumat lanjut daripada PDC dengan menghubungi:

Yew Khye Chuan

Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No. 1, Pesiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, 11909 Bayan Lepas, Penang Email: [yewkc@pdc.gov.my]

Telephone No.: [+604-6340110] Facsimile No.: [+604-6413409]

15. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda, PDC berhak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembedulan pada Data Peribadi anda atas alasan-alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti apabila pemberian akses kepada adalah tidak seimbang dengan risiko kepada privasi anda.
16. Sila menandatangani di bawah ini jika kamu bersetuju untuk PDC memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas.

Nama: _____

No. KP: _____

Tarikh: _____

Tandatangan: _____